



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

# **BULETIN ICAN**

**UiTM NEGERI SEMBILAN  
NOVEMBER 2023**

**PROGRAM “UNITE FOR HUMANITY” MENGGALAKKAN  
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI  
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,  
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UITM  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR  
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM  
BERASASKAN KESIHATAN**

*Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari*

**PROGRAM UITM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah  
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 0 8

# *USR ACOS: Sukaneka dan Jamuan Eidul Adha Kampung Sentosa Jaya*

**SUHAILA SHARIL, SITI AISHAH SOKHIBUL FADIL, MUHAMMAD NOOR HUSSIN,  
DR. NURSAFRA MOHD ZHAFFAR & DR. ADIBAH BAHORI**

Semangat sukarelawan bukanlah satu perkara yang asing dan baharu dalam masyarakat kerana ia telah menjadi sebahagian daripada kebiasaan kehidupan masyarakat sejak zaman berzaman. Sukarela bermaksud bekerja atas kemahuan sendiri dan tanpa dipaksa. Sumbangan kesukarelawanan kepada individu dapat dilihat menerusi aspek pembangunan personal, sosial, kemahiran, kerjaya dan akademik. Bagi masyarakat pula, penglibatan dalam kesukarelawanan dapat memperkuat dan memperkasakan komuniti, meningkatkan integrasi sosial, membina kepercayaan dan ikatan sosial yang kuat, meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Hal ini turut didukung menerusi agenda Malaysia Madani dalam teras yang keempat iaitu "Ihsan" yang menerapkan belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan. Ihsan dalam konteks Malaysia Madani ditafsirkan cukup sinonim dengan makna peduli dan belas kasihan, iaitu mengasihi orang lain merangkumi ahli keluarga, sahabat handai, jiran tetangga dan anggota masyarakat secara keseluruhan termasuk golongan minority. Perasaan ihsan digambarkan mewakili soal menyelami penderitaan dan kemelaratan orang lain, lalu berusaha untuk mencari jalan bagi membantunya.

Keseimbangan dan kualiti kehidupan masyarakat harini banyak dipengaruhi oleh faktor pelajaran dan keupayaan dalam pendidikan tinggi. Mutu dan kualiti pendidikan perlu ditingkatkan dari masa ke semasa supaya hasil idea dan pemikiran yang tercetus mampu diterjemahkan dalam konteks moden sekaligus dapat memenuhi citarasa isu semasa dan global. Selain itu, kemunduran dan kelemahan untuk berdaya saing dengan dunia global dan pasaran kerja adalah salah satu punca yang mendorong wujudnya limitasi dan halangan dalam menjadi individu serta kelompok yang kompeten. Misalnya, pendekatan teknologi merupakan antara perkara yang menjadi keutamaan dalam pembelajaran masa kini. Sehubungan dengan itu, penglibatan yang aktif perlu dilakukan dan dikembangkan dengan terancang seiring dalam konteks keperluan negara dan masyarakat setempat. Memandangkan kualiti dalam pendidikan menjadi isu global dan persaingan dunia, negara optimis dan cenderung untuk mengambil pelbagai langkah dan perubahan dari masa ke semasa demi memastikan kualiti pembelajaran negara menjamin masa depan generasi. Pembentukkan kurikulum dan pendekatan kokurikulum banyak ditekankan dengan konsep kerohanian, emosi, motivasi, intelek dan daya usaha fizikal yang mampu capai. Justeru, penerokaan dalam pembelajaran abad ke 21 perlu ditekankan dan sentiasa diperkenalkan secara konsisten dan berterusan dengan usaha sama pihak kerajaan dan komuniti setempat secara kolaboratif dengan negara-negara lain khususnya negara maju. Rentetan sumbangan dalam pembelajaran abad ke 21, negara optimis dan komited terhadap generasi yang dihasilkan sebagai label modal insan dinamik dan berpengetahuan dalam menangani isu dunia dan global secara inovatif. Produktiviti ini akan terhasil dengan gabungan dan

kombinasi pendidikan yang bersifat praktikal dan konseptual secara intervensi teknologi dalam memastikan kebolehpasaran modal insan meningkat. Peningkatan dalam kebolehpasaran modal insan akan mengukuhkan ekonomi negara dengan merapatkan jurang pendapatan dan mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan, individu dan kelompok generasi.

Justeru itu, pada 15 Julai 2023 bersamaan hari Sabtu, satu program University Social Responsibility (USR) : Sukaneka dan Jamuan Eidul Adha telah diadakan di Balai Raya Kg Sentosa Jaya anjuran MPKK Kg Sentosa Jaya, Surau an-Nur, Pertubuhan IKRAM Malaysia Kawasan Rembau, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau, Maahad Tahfiz as-Saidiyah, Kasih D Awan, Jabatan Penerangan Daerah Rembau dan Majlis Bandaraya Seremban. Antara objektif program adalah melahirkan modal insan berkesan pada abad ke 21, merapatkan ukhwah antara warga ACIS dan penduduk Kg Sentosa Jaya melalui aktiviti sukaneka, membina hubungan jaringan industri kerana MPKK Kg Sentosa Jaya adalah MPKK terbaik yang memenangi hadiah kampung tercantik dan kelestarian alam serta mempromosikan UiTM sebagai salah satu universiti pilihan untuk menyambung pengajian. Acara bermula jam 2 Petang di mana penduduk Kampung Sentosa Jaya telah memulakan rewang dengan memasak di Surau An-Nur. Tepat jam 4.45 Petang semua penduduk Kampung Sentosa Jaya Paroi telah solat berjemaah di Surau An-Nur bersama kakitangan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Semua penduduk Kampung Sentosa Jaya telah hadir ke Balai Raya untuk memulakan acara. Seramai 30 orang ahli jawatankuasa yang terlibat dalam program Sukaneka dan Jamuan Eidul Adha manakala seramai 300 orang penduduk Kampung Sentosa Jaya dan kampung-kampung bersebelahan yang turut hadir memeriahkan program.

Acara dimulakan dengan aluan pengerusi majlis oleh Suhaila Sharil Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan penerangan mengenai Malaysia Madani oleh Puan Malini Md Yunos Pegawai Penerangan Daerah Rembau. Selepas itu acara diteruskan dengan sukaneka Dewasa iaitu Pertandingan Dart, Memanah, Sepak Raga dan Bowling Padang di mana penyertaan pertandingan dart seramai 32 orang manakala pertandingan memanah bagi lelaki seramai 40 Orang dan kategori wanita seramai 13 orang. Bagi pertandingan sepak raga seramai 10 orang yang bertanding dan bowling padang pula seramai 16 orang yang turut menyertai. Acara semakin meriah apabila sukaneka ini turut dihadiri oleh Dato Haji Mohamad Taufek Bin Abd Ghani EXCO Kerajaan Negeri yang turut bersama-sama turun padang dengan mengikuti pertandingan memanah. Terdapat juga pameran UiTM di Hatiku untuk mempromosikan UiTM sebagai sebuah universiti untuk menyambung pengajian manakala Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan Kasih D Awan telah membawa sayur-sayuran seperti sawi, bayam untuk diedarkan secara percuma kepada penduduk kampung. Terdapat juga pameran barang pre love iaitu barang terpakai bagi penduduk yang memerlukan seperti tudung, baju dan sebagainya untuk diambil secara percuma.

Pada sebelah malam pula, acara diteruskan dengan sukaneka kanak-kanak sebanyak 4 pertandingan iaitu Pertandingan Ayya Susanti, Bebola Kuasa Api, TIC TAC Water, Papa Pipi Zola yang disertai 50 Orang kanak-kanak.

Selain itu, acara dewasa juga diteruskan dengan teka herba yang disertai oleh 10 orang Wanita dan pertandingan teh Tarik yang disertai oleh 11 orang lelaki. Bagi pertandingan teka herba penduduk Kampung Sentosa Jaya perlu menutup mata dan meneka herba seperti buah pelaga, kayu manis, jintan, halba, daun limau, asam keping, daun pandan dan sebagainya. Fasilitator bagi pertandingan sukaneka kanak-kanak terdiri daripada pelajar Maahad Tahfiz As-Saeidiyah manakala sukaneka dewasa terdiri daripada kakitangan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Alhamdulillah pada malam tersebut acara bertambah meriah apabila disajikan dengan cabutan bertuah sebanyak 20 barang yang telah ditaja oleh Majlis Bandaraya Seremban dengan setiap satu barang bernilai RM20.



Gotong royong memasak di Surau an-Nur



Hadiah sukaneka dewasa dan kanak-kanak di Balai Raya Kampung Sentosa Jaya

Ucapan daripada Pengurus MPKK Kampung Sentosa Jaya iaitu Haji Zulfakar Idris mengamit suasana apabila beliau mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan barisan ahli jawatankuasa. Beliau juga sempat merakamkan bahawa program ini adalah program paling meriah dengan dibantu oleh pelbagai pihak. Sesi penyampaian hadiah kepada peserta yang memenangi acara disampaikan oleh Ustaz Muhammad Noor Hussin Koordinator Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Haji Mohamad Zaki Bin Muda Yang Dipertua IKRAM Rembau, wakil MBS, Ustazah Fatimah Az-Zahra Binti Abdullah Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Maahad Tahfiz As-Saeidiyah, Wakil Jabatan Penerangan Rembau dan Hajah Minah Ahmad Wakil Kasih D Awan.

Program ini telah memberi impak kepada semua warga Kampung Sentosa Jaya yang meraikan Jamuan Eidul Adha dan sukaneka. Selain itu program USR ini juga turut memberi impak kepada kakitangan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) yang dapat beramah mesra dengan penduduk kampung.

Sesi penyerahan cenderamata juga turut disampaikan oleh Koordinator Akademi Pengajian Islam Kontemporari kepada Pengerusi MPKK Kampung Sentosa Jaya. Diharapkan program seumpama ini mampu memberi pengalaman kepada kakitangan ACIS untuk menyumbang kepakaran sebagai juri pertandingan, membina jaringan industri dan mempromosi UiTM sebagai tempat menyambung pengajian serta universiti yang mampu memberikan manfaat kepada masyarakat setempat.



Sukaneka kanak-kanak



Pertandingan teka herba bermula bagi ibu-ibu dan anak-anak bersorak kegirangan



Dato Haji Mohamad Taufek Bin Abd Ghani EXCO Kerajaan Negeri sempat melibatkan diri dalam pertandingan memanah

Program sukaneka kanak-kanak juga mendapat perhatian daripada ibu bapa kerana program tersebut adalah julung kali diadakan pada tahun 2023 yang menempatkan bilangan kanak-kanak yang ramai sehingga ada yang membawa anak-anak saudara untuk mengikuti program. Kebanyakan ibu bapa berpuas hati dengan program tersebut dan bertanya program yang akan datang sekiranya ada untuk menempatkan anak-anak mereka pada waktu cuti sekolah dan sebagainya. Terima kasih diucapkan kepada semua jawatankuasa yang terlibat dalam sesi libat urus ini. Semoga ukhwah berkekalan dan diharapkan program seumpama ini memberi daya saing kepada penduduk kampung.